

20/11/1997

Haramkan Kit Siang masuk Sarawak: Adun

KUCHING, Rabu - Seorang penyokong kerajaan mencadangkan kepada Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak agar Setiausaha Agung Parti Tindakan Demokratik (DAP), Lim Kit Siang, diharamkan daripada memasuki negeri itu buat selama-lamanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (BN-Sadong Jaya), Wan Wahab Wan Sanusi, ketika mencadangkan usul itu berkata, larangan ini perlu kerana beliau tidak berhak untuk campur tangan dalam hal ehwal politik negeri ini.

Beliau berkata, kedatangan Kit Siang ke negeri ini hanya pada musim pilihan raya dan menabur fitnah di kawasan yang dilawatinya serta membuat tuduhan palsu.

"Begitu juga dengan 34 anggota Kongres Amerika Syarikat yang meminta Perdana Menteri Datuk Seri, Dr Mahathir Mohamad memohon maaf dan meletak jawatan serta penulis surat layang.

"Semua mereka adalah iblis yang lahir di dunia ini untuk menimbulkan masalah dan huru-hara di kalangan penduduk pelbagai kaum di negeri ini," katanya ketika membahaskan Belanjawan 1998 pada Sidang DUN, di sini, semalam.

Wan Wahab juga mendesak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mewujudkan akta khas dan mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap mereka yang mempergunakan ayat al-Quran sebagai bahan dagangan, terutama yang ditulis pada seluar dalam, selipar, pinggan mangkok, talam dan tatu.

(END)